

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
JABATAN SEJARAH

SEJARAH PENEMPATAN DAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT
MINANGKABAU DI LENGGENG, NEGERI SEMBILAN

MOHAMMAD MARWAZI B. RAMLI

Kertas Projek ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjanamuda Sastera Dengan Kepujian pada sesi 2000/2001.

Penyelia

Tarikh

Ketua Jabatan Sejarah

Tarikh

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-
ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya sertakan sumbernya.

31 Mac 2001

A handwritten signature in black ink, consisting of several stylized, overlapping loops and lines, positioned above a horizontal dotted line.

A 66789

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah
lagi maha mengasihani

Alhamdulillah, setinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya di beri sedikit kemampuan dan kesabaran untuk menyiapkan kertas projek ini. Semoga usaha yang sedikit ini mendapat nilai di sisi Allah S.W.T.

Di ruangan ini juga, saya berbesar hati merakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Yahya Bin Abu Bakar selaku penyelia yang telah banyak membantu dan meluangkan masa untuk membimbing saya bagi menyiapkan kertas projek ini. Ucapan ribuan terima kasih juga di ucapkan kepada penduduk Lenggeng, Negeri Sembilan . Semoga Allah membalas segala kerjasama yang ditaburkan.

Terima kasih juga di ucapkan kepada keluarga tersayang kerana memberi dorongan yang padu untuk menyiapkan kertas projek ini.

Khas buat Haslinda Bt. Md. Amin terima kasih atas segala pertolongan, dirimu tetap dalam ingatanku. Kepada teman-teman terutamanya teman serumah, kenangan bersama kalian adalah saat-saat yang indah, semoga persahabatan ini akan kekal abadi buat selamanya.

Akhir bicara, semoga kajian yang sekelumit ini dapat menjadi panduan untuk semua.

Jabatan Sejarah
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Selangor Darul Ehsan

Mohammad Marwazi b Ramli
Kampung Bukit Jambul
Mukim Ayer Puteh
06720 Pendang
Kedah, D.A

ABSTRAK

Kertas projek ini mengkaji tentang kedatangan orang-orang Minangkabau yang datang berhijrah ke Malaysia terutamanya di Negeri Sembilan. Fokus utama kajian ini adalah untuk melihat sejarah awal penempatan mereka di Lenggeng dan juga keadaan sosioekonomi masyarakat tersebut. Di dalam kertas projek ini juga turut membincangkan tentang kedudukan mereka di zaman pemerintahan Inggeris, Jepun dan selepas merdeka. Melalui kertas projek ini juga telah membincangkan mengenai bidang sosioekonomi masyarakat Minangkabau di Lenggeng dengan lebih terperinci iaitu pada awal tahun 1900 hinggalah era selepas merdeka.

SENARAI KANDUNGAN

HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
SENARAI FOTO	xi
BAB 1	
1.0 LATAR BELAKANG SEJARAH DAN POLA PENEMPATAN DI LENGGENG	1
1.1 Masyarakat Lenggeng Sekitar Akhir Abad ke 19 Dan Awal Abad Ke 20	5
1.1.1 Pola Penempatan	10
1.2 UNSUR KEBUDAYAAN ASLI YANG TERDAPAT DALAM KOMUNITI MINANGKABAU	12
1.2.1 Dari Segi Kepimpinan	12
1.2.2 Tradisi Adat	15
1.2.3 Tradisi Merantau	18

BAB 2

2.0 KEGIATAN EKONOMI AWAL 1900-1940	24
2.1 USAHA AWAL MASYARAKAT MINANGKABAU DI LENGGENG	24
2.1.1 Padi	24
2.1.2 Hasil-Hasil Hutan	27
2.1.3 Melombong Bijih Timah	28
2.2 KESAN PENGENALANDAN PERKEMBANGAN EKONOMI MASYARAKAT MINANGKABAU	29
2.2.1 Campurtangan Inggeris Di Sungai Ujong	29
2.2.2 Sektor Getah Sebagai Tanaman Baru Di Lenggeng	31
2.2.3 Perlombongan Sebagai usaha Produktif	36

BAB 3**KEHIDUPAN MASYARAKAT ZAMAN PENJAJAHAN
JEPUN DAN DARURAT (1941-1957)**

3.0 PENGENALAN	39
3.1 EKONOMI MASYARAKAT LENGGENG DI ZAMAN JEPUN	40
3.1.1 Pendudukan Jepun Di daerah Seremban	40
3.1.2 Keadaan Hidup Penduduk Minangkabau Lenggeng Semasa Jepun	40
3.1.3 Pentingnya Lenggeng Kepada Pihak Jepun	45

3.2 KEADAAN HIDUP ORANG-ORANG MINANGKABAU LENGGENG DI ZAMAN DARURAT	49
3.2.1 Kedudukan Ekonomi Masyarakat	49
3.2.2 Tujuan Komunis Ke Lenggeng	52

BAB 4

PERKEMBANGAN EKONOMI SELEPAS MERDEKA (1957-1975)

4.0 SUMBANGAN AGENSI PERTANIAN DALAM PEMBANGUNAN	55
---	-----------

BAB 5

KESIMPULAN	74
-------------------	-----------

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

- Jadual 1: Perbandingan Keluasan Dalam Pelbagai Tanaman Di Mukim Lenggeng dan Mukim Setul Tahun 1972
- Jadual 2: Harga Pasaran Getah Di Seluruh Negeri Sembilan di Antara Tahun 1972 Hingga 1975
- Jadual 3: Pelaksanaan Rancangan Pemulihan Tanah Sawah bagi Mukim Lenggeng dan Mukim Setul pada tahun 1975
- Jadual 4 : Pelaksanaan Rancangan Tanaman Padi dua Kali Setahun Di kampung Yang Terlibat di Lenggeng Pada Tahun 1975
- Jadual 5 : Jumlah Kawasan Yang Dicadangkan Dan Dilaksanakan Untuk tanaman Pisang Di Kampung Sungai Petai Dan Sungai Macang Hilir, Lenggeng Untuk Tahun 1975

SENARAI FOTO

FOTO 1

Papan Tanda Menunjukkan Sempadan Daerah Lenggeng - Mantin
Papan Tanda Menunjukkan Lenggeng Dari Arah Broga

FOTO 2

Surau Kampung Mendom, Lenggeng
Sungai Lenggeng

FOTO 3

Tapak Pasar Lama Yang Telah Diperbaharui
Pekan Lenggeng, Negeri Sembilan

BAB 4

PERKEMBANGAN EKONOMI SELEPAS MERDEKA (1957-1975)

4.0 SUMBANGAN AGENSI PERTANIAN DALAM PEMBANGUNAN

Pembangunan pertanian bolehlah di lihat sebagai salah satu proses pemodenan yang mana masyarakatnya mengamalkan sikap moden supaya matlamat pembangunan luarbandar dapat dicapai. Situasi ini wujud bilamana masyarakat luar bandar harus mengubah sikap amalan pertanian padi satu kali setahun kepada dua kali setahun.

Namun begitu terdapat perbezaan yang sangat ketara antara proses pembangunan luar bandar dengan pembangunan pertanian. Pembangunan luar bandar merangkumi masalah seperti masalah pekerjaan, perkhidmatan sosial dan pembinaan infrastruktur sementara pembangunan pertanian bertujuan

melipatgandakan ekonomi penduduk dengan cara penggunaan teknik-teknik moden⁷⁵.

Lenggeng turut menerima tumpuan kerajaan di bawah Rancangan Lima Tahun Pertama (1956-1960) melalui pelaburan bidang pertanian. Secara tidak langsung masyarakat Minang turut menerima pendedahan pembaharuan teknologi dan tanaman. Penglibatan agensi pertanian sangat ketara pada 1970an melalui projek-projek pertanian tetapi usaha ini tidak terbatas kepada tanaman padi sahaja tetapi meliputi tanaman lain seperti getah, tembakau, pisang, buah-buahan serta projek ternakan ikan air tawar.

Sebagai penduduk majoriti⁷⁶, pelancaran projek-projek oleh pihak kerajaan secara tidak langsung mendapat sambutan memandangkan masyarakat Minangkabau memang sudah terkenal dengan sifat bertani. Penglibatan agensi pertanian secara tidak langsung telah memberi peluang untuk mempergiatkan usaha pertanian dengan lebih efektif dan aktif. Perusahaan padi masih lagi penting dan giat diusahakan di Lenggeng iaitu sebelum merdeka berbanding dengan dengan tanaman getah namun kegiatan ini mula mengalami perubahan selepas merdeka di mana getah pada masa ini mula mendapat permintaan yang tinggi dan sekaligus mengatasi tanaman padi.

⁷⁵ J. Conde, 1979, *Rural Development Concept And Objectives*, Dev. Centre Of The Organisation For Economic Co-operation And Dev, Paris, hlm.32

⁷⁶ Selepas merdeka jumlah penduduk Minang di Lenggeng masih lagi dalam jumlah majoriti (lebih dari ¾) jika dibandingkan dengan kaum Cina dan India.

Secara tidak langsung perubahan ini telah mengorak langkah dalam memperbaiki taraf ekonomi dan membina status ekonomi dengan lebih baik lagi.

Menjelang tahun 1975, para pekebun getah telah diberi perhatian khusus melalui pembentukan cawangan RISDA di Lenggeng. Tujuan penubuhan RISDA ini ialah untuk memberi pengetahuan kepada pekebun getah serta bantuan yang lebih efektif dalam usaha berkebun. Pada permulaannya pihak RISDA di Lenggeng telah memulakan projek dengan membina Pusat Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Getah. Projek ini telah di sambut baik oleh tiga buah kampung antaranya ialah Kampung Tengah, Kampung Dacing Hilir dan Kampung Sungai Macang Hilir.

Bagi menggerakkan struktur pentadbiran tersebut, Pusat Pembangunan Pekebun Kecil (PPPK) telah merangka beberapa jawatan yang merangkumi pengerusi, setiausaha, bendahari dan ahli jawatan kuasa (AJK) sebagai pembantu. Namun begitu PPPK juga terlibat dalam aspek pembangunan sosioekonomi pekebun kecil getah. Melalui RISDA iaitu di bawah perkhidmatan PPPK secara tidak langsung masyarakat Minang di Lenggeng turut mendapat faedah dengan membekal benih-benih getah yang bermutu tinggi, baja bahan kimia, cuka seta mesin memproses getah.

Namun kesangsian terhadap penanaman getah mula berubah apabila pihak kerajaan mengambil langkah dengan menumpukan perhatian dalam memajukan kawasan luar bandar. Tujuan pihak kerajaan ialah membawa bidang pertanian yang merupakan bidang ekonomi cukup makan suatu ketika dulu kepada bidang yang melibatkan ekonomi pasaran lebih meluas. Penekanan yang serius secara tidak langsung telah mendapat kepercayaan dan sekaligus melenyapkan keraguan masyarakat Minang terhadap perusahaan getah.

Peningkatan harga getah yang melambung naik di pasaran pada tahun 1970an sedikit sebanyak telah mempengaruhi reaksi yang positif di kalangan masyarakat Minang. Contohnya pada tahun 1973, kenaikan harga getah adalah dua kali ganda dari tahun sebelumnya. Sementara pada tahun berikutnya harga getah masih lagi dalam keadaan stabil iaitu tidak jauh berbeza dan berlaku kejatuhan yang tidak terlalu teruk⁷⁸.

⁷⁸ Laporan tahunan 1972,73, 74,dan 75, Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan.

**JADUAL 2: HARGA PASARAN GETAH DI SELURUH NEGERI SEMBILAN
DI ANTARA TAHUN 1972 HINGGA 1975**

JENIS	Dijual (unit)	TAHUN (HARGA SEPIKUL)			
		1972	1973	1974	1975
R.S.S No. 1	Pikul	\$ 57	\$115	\$58-\$60	\$63-\$68.92
R.S.S No. 2	Pikul	\$55	\$102	\$54-\$56	\$60-\$67.55
Getah tidak berasap (1)	Pikul	\$54	\$90	\$48-\$50	\$58-\$60
Getah tidak berasap (2)	Pikul	\$52	\$87	\$44-\$46	\$56-\$57
Sekerap	Pikul	\$32	\$48	\$26-\$30	\$22-\$30
Getah susu (DRC)	Pikul	\$54	\$98	\$60-\$65	\$60-\$65

Sumber: Laporan Tahunan dari Tahun 1972 hingga tahun 1975. Jabatan Pertanian Negeri.
Negeri Sembilan.

Pelbagai masalah terpaksa dihadapi oleh kebanyakan masyarakat Lenggeng selepas merdeka memandangkan penanaman padi tidak lagi mendapat perhatian umum. Oleh demikian, tanah-tanah sawah padi mula menjadi terbiar. Memandangkan sektor tanaman padi sangat penting sebagai makanan utama, pihak kerajaan memainkan peranan penting dengan ikut campurtangan bagi mengatasi kemerosotan tanaman terbabit serta usaha pemulihan juga dibuat agar sektor pertanian ini dijalankan semula. Kegiatan ini bolehlah di lihat untuk tempoh tiga

tahun iaitu dari tahun 1950an hingga tahun 1970an di mana tanah sawah yang terbiar dan tidak berekonomi telah di beri perhatian yang khusus oleh pihak kerajaan.

Kegiatan ini mula mendapat perhatian masyarakat Minang memandangkan beberapa projek yang dijalankan oleh pihak kerajaan dapat dimajukan di mana tanah yang dulunya terbiar telah dapat dipulihkan walaupun tidak secara keseluruhan. Sebuah kilang memproses dan memasarkan padi telah diwujudkan pada tahun 1961 iaitu secara koperasi⁷⁹. Penempatan Jabatan Pertanian di Lenggeng secara tidak langsung memberikan bekalan bantuan teknikal serta galakan khususnya terhadap pemilik tanah sawah. Secara tidak langsung pemulihan tanah sawah terbiar telah dilaksanakan merangkumi hampir sebahagian dari tanah sawah di Lenggeng jika dibandingkan dengan Setul.

**JADUAL 3: PERLAKSANAAN RANCANGAN PEMULIHAN TANAH SAWAH
BAGI
MUKIM LENGGENG DAN SETUL , TAHUN 1975**

Mukim	Jumlah Kawasan Dalam Musim (ekar)	Kawasan Ditanam Dengan (ekar)			Jumlah Di tanam (ekar)
		Mahsuri	Bahagian	Lain-lain	
Lenggeng	216	182	958	10	1150
Setul	301	-	125	-	125
Jumlah	2463	182	1083	10	1275

Sumber : Jabatan Pertanian Daerah Seremban

⁷⁹ States Development Office, Negeri Sembilan.

Jika di lihat berdasarkan perangkaan, jelas menunjukkan sambutan daripada masyarakat Minangkabau jauh lebih tinggi daripada masyarakat melayu di Setul terhadap rancangan pemulihan tanah sawah di Lenggeng. Perbezaan yang ketara dapat di lihat dari segi keluasan tanah yang terlibat serta dipulihkan dan jumlah penerimaan benih padi.

Masyarakat Minang terus mengorak langkah dalam bidang kegiatan tanaman padi melalui teknik-teknik moden yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan iaitu melalui Jabatan Pertanian. Rancangan penanaman padi dua kali setahun bagaimanapun telah banyak menggantikan rancangan tanaman padi sekali setahun. Rancangan tanaman padi dua kali setahun iaitu pada tahun 1973 telah dijalankan merangkumi tanah seluas 500 ekar, ianya melibatkan tiga buah kampung iaitu Sungai Macang (100 ekar), Kampung Sungai Jai (120 ekar) dan Kampung Tengah seluas 80 ekar.

**JADUAL 4: PERLAKSANAAN RANCANGAN TANAMAN PADI DUA KALI
SETAHUN
DI KAMPUNG YANG TERLIBAT DI LENGGENG PADA TAHUN 1975**

Mukim Lenggeng	Luas Kawasan (ekar)	Luas dicadangkan	Luas Pelaksanaan Musim Pertama (ekar)			Bil. Peserta (orang)
			Tanam	Tuai	Hasil	
Sungai Macang Hilir dan Sungai Buih	150	153.5	153.5	-	-	94
Kampung Rawa Hulu	70	57.5	57.5	-	-	25
Kampung Tengah	88	24	24	-	-	11

Sumber : Jabatan Pertanian Daerah Seremban

Jadual menunjukkan rangka penanaman padi dua kali setahun yang merangkumi keluasan yang diusahakan, serta bilangan orang Minangkabau yang terlibat dalam rancangan tersebut pada tahun 1975. Kegiatan menanam padi dua kali setahun ini secara tidak langsung mencerminkan bahawa masyarakat Minang sanggup bekerja keras di samping mengikuti arus perkembangan pertanian. Sehubungan itu, bolehlah di katakan bahawa masyarakat Minang sanggup menyahut seruan pihak kerajaan tentang betapa pentingnya penanaman padi dua kali setahun seperti yang ditegaskan oleh Jabatan Kerajaan:

“ kedudukan penghasilan padi adalah sentiasa dititik beratkan dan soal melipatgandakan penghasilan sangat diutamakan. Apa jua ikhtiar dan usaha, nasihat serta tunjuk ajar dari segi teknologi persawahan adalah sentiasa dijalankan. Tanaman padi dua kali setahun sangat digalakkan ”⁸⁰.

Sektor perkembangan penanaman padi juga di lihat mempunyai kaitan dengan bantuan yang di bekalkan oleh pihak Jabatan Pertanian. Di samping itu sikap serta usaha yang gigih, pihak kerajaan juga telah membantu petani dengan menyediakan racun, baja, pengering padi, pengangin padi serta benih yang bermutu tinggi. Antara bantuan yang diterima oleh masyarakat Minang di Lenggeng ialah⁸¹:

- a) Baja Campuran _ 590 beg
- b) Racun Gramaxon _ 147.5 liter
- c) Benih Padi Mahsuri _ 850 gantang⁸²
- d) Benih Padi Bahagia _ 830 gantang

Melalui bantuan oleh pihak kerajaan penanaman padi dua kali setahun dapat dijalankan dengan lebih jitu dan dapat meningkatkan pendapatan di kalangan para

⁸⁰ Laporan Tahunan 1968 Dan Laporan Tahunan 1970, Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, hlm 2

⁸¹ Ahmad Fuad Muhammad, Esmawi Othman, Shahbuddin Abu, Nafisah Hj. Hassan. “ *Tinjauan Ringkas Di Kawasan Pengembangan Universiti Pertanian Malaysia-Mukim Setul, Lenggeng dan Ulu Beranang*” Pusat Lanjutan, Kertas Seminar, Penerbitan Perkembangan No. 8, KDN 9701, hlm 32

⁸² Padi ‘Mahsuri’ telah di istiharkan oleh Jabatan Pertanian pada tahun 1965 sebagai jenis yang peka terhadap cahaya dan mempunyai jangkamasa kematangan yang pendek.

petani di Lenggeng jika dibandingkan dengan penanaman padi sekali setahun. Masalah masyarakat Minangkabau selepas merdeka masih lagi tidak dapat di atasi walau pun menerima pelbagai kemudahan dalam bidang pertanian dari pihak kerajaan. Perkembangan perusahaan padi masih lagi jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan sektor perusahaan getah.

Terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi kemerosotan tersebut antaranya ialah mereka terpaksa menghadapi masalah guna tenaga kerja. Di mana sebilangan besar anak muda di kampung tersebut mula mengorak langkah untuk bekerja di bandar di samping keluar menuntut ke pusat Institusi-institusi Pengajian Tinggi atau mengikut suami setelah berumah tangga. Di samping itu terdapat juga di kalangan mereka yang berpindah ke tanah Rancangan Tanah Baru atau FELDA. Akibat daripada itu menyebabkan berlaku banyak tanah sawah terbiar tanpa diusahakan. Situasi ini ditambah lagi dengan golongan tua yang melakukan kerja persawahan⁸³.

Fenomena ini bukanlah menjadi masalah di Mukim Lenggeng sahaja tetapi meliputi kebanyakan kawasan luar bandar yang lain di Negeri Sembilan. Secara tidak langsung Jabatan Pertanian menyatakan bahawa kemerosotan penanaman padi berpunca dari masalah kekurangan tenaga manusia memandangkan kawasan luar

⁸³ Laporan tahunan 1973, Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan, hlm.2

bandar hanya di didiami oleh golongan tua⁸⁴. Di samping itu masalah ini berkait rapat dengan pengawalan saluran tali air. Melalui Cawangan Pusat Jabatan Parit dan Taliair yang terletak di balairaya merupakan tempat pengawalan pengairan sawah padi, di samping mengkaji dari masa ke semasa mengenai sistem pengairan sawah terbabit⁸⁵. Namun begitu mereka sering mengalami masalah kegagalan memandangkan keadaan topografi kawasan tersebut yang berbukit-bukit telah menyebabkan banyak projek pembinaan taliair tidak dapat di bina dengan sempurna di samping bencana alam semulajadi.

Pada tahun 1961 iaitu selaras dengan Rancangan lima Tahun Kedua (1961-1965) lebih menekankan pembangunan tanah dan penyelidikan pertanian di mana satu pengairan kecil telah di bina di Kampung Masjid , Lenggeng seperti yang tercatat dalam Ringkasan Perancangan Luar bandar⁸⁶ yang melibatkan kawasan seluas 85 ekar. Tujuan sistem ini di bina adalah untuk mengairi tanah sawah, walau bagaimana pun usaha ini tidak menunjukkan keberkesanannya memandangkan ancaman kemarau yang menggagalkan projek ini.

Sementara di bawah Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) iaitu dalam usaha mempercepatkan pengeluaran, satu inisiatif telah di usul di mana pembinaan

⁸⁴ Ibid. Hlm.2

⁸⁵ Ahmad Fuad Muhammad, " *Tinjauan ringkas di Kawasan Pengembangan Universiti Pertanian Malaysia- Mukim Setul, Lenggeng dan Ulu Beranang* ".,hlm 40

⁸⁶ States Development Office, Negeri Sembilan, hlm. Appendix C dalam buku ini

skim pengairan sawah yang besar akan di bina oleh Jabatan Parit Dan Taliair. Skim ini akan meliputi kawasan seluas 800 ekar tanah yang merentangi sejauh enam batu iaitu sehingga ke sempadan Negeri Selangor. Sementara di hujungnya pula telah di bina skim pengairan Macang Hilir seperti yang di nyatakan di bawah:

“The scheme involves the construction of one concrete weir and four headworks on Sungai Lenggeng and its two tributaries and some six miles of fenced and concrete-lined canal. The existing Macang Hilir headworks was reconstructed as part of the programme to rectify the deteriorating conditions of the rivers caused by the presence of brushwood dams”⁸⁷.

Namun kejayaan skim ini tidak menunjukkan kepuasan di kalangan masyarakat Minang di sebabkan kemarau yang melanda serta memusnahkan sawah padi.

Tanaman pisang yang wujud sebelum merdeka lagi hanyalah secara sambilan sahaja, penumpuan orang Minang secara umumnya lebih tertumpu kepada getah dan padi. Namun selepas merdeka tanaman pisang mula dipraktikkan secara besar-besaran oleh Jabatan Pertanian. Rancangan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan terutama tumpuan yang lebih di berikan terhadap tanaman pisang di mana ianya dapat di lihat dari segi keluasan tanah berbanding dengan orang melayu berhampiran Mukim Setul. Terdapat dua buah kampung yang menyambut baik pelaksanaan rancangan ini iaitu Sungai Petai dan Sungai Macang Hilir. Sementara

⁸⁷ Laporan Tahunan 1967, Jabatan Parit Dan Taliair, Negeri Sembilan, hlm.6

keluasan tanah dicadangkan serta luas yang dilaksanakan dan bantuan yang di beri dapat di lihat melalui jadual di bawah:

**JADUAL 5 : JUMLAH KAWASAN YANG DICADANGKAN DAN DILAKSANAKAN
UNTUK TANAMAN PISANG DI KAMPUNG SUNGAI PETAI DAN SUNGAI MACANG HILIR, LENGGENG UNTUK TAHUN 1975**

Kampung Lenggeng	Luas yang Dicadangkan (ekar)	Luas yang Dilaksanakan (ekar)	Benih Sulur Pisang	Bantuan Racun	Bantuan Baja (beg)
Sungai Petai	5	5	—	—	20
Sungai Macang Hilir	20	20	—	150 Ib (dowpon)	—

Sumber: Jabatan Pertanian Daerah Seremban

Namun begitu terdapat juga di antara masyarakat Minangkabau mengambil inisiatif dengan mengambil peranan utama dengan menanam pisang. Pada tahun 1975 terdapat sebuah syarikat persendirian iaitu Syarikat Sri Minang telah mengorak langkah sebagai perintis memulakan penanaman pisang dengan keluasan seluas 30 ekar⁸⁸. Langkah ini kemudiannya telah diikuti oleh persatuan-persatuan serta badan Belia di kampung lain seperti Sungai Macang Dalam di mana projek permulaannya meliputi kawasan seluas 50 ekar⁸⁹. Oleh yang demikian projek ini menandakan

⁸⁸ Ahmad Fuad Muhammad, "Tinjauan Ringkas Di Kawasan Pengembangan Universiti Pertanian Malaysia Mukim Setul Dan Ulu Beranang", hlm.18

⁸⁹ Ibid, hlm.19

perusahaan pisang dilakukan secara besar-besaran serta di jual kepada pemborong terutamanya syarikat besar.

Pada tahun 1961 pembinaan sebuah “Pasar Minggu” telah di wujudkan bagi memudahkan para penduduk Minang memasarkan hasil tanaman mereka. Situasi ini sangat berbeza di mana pada masa lalu untuk menjual hasil tanaman mereka terpaksa melalui denai dan lorong untuk dipasarkan di Pekan Mantin. Apabila wujudnya perkhidmatan pengangkutan awam pemasaran hasil pertanian menjadi lebih mudah dan tumpuan penjualan hasil tidak sahaja tertumpu di kawasan Lenggeng malahan melewati kawasan di sekitar Seremban, Kajang dan Beranang. Pada tahun 1975 tanaman tembakau telah diperkenalkan di Lenggeng. Hanya sebilangan kecil sahaja orang Minang yang menceburi dalam bidang tersebut memandangkan ianya masih lagi baru dan belum diketahui risikonya. Penanaman tembakau buat permulaannya telah diusahakan di atas tanah seluas 20 ekar di Kampung Sungai Macang Hilir. Penanaman ini hanya melibatkan projek persendirian yang diusahakan oleh En. Hashim Pidoman. Beliau telah menyediakan sebanyak lima buah rumah asap bagi memudahkan proses penyelenggaraan serta mendapat tunjuk ajar dan nasihat dari Syarikat Harison & Crossfield. Hasil-hasil yang di dapati kemudiannya telah dijual kepada syarikat terbabit⁹⁰.

⁹⁰ Ahmad Fuad Muhammad, “*Tinjauan Ringkas Di Kawasan Pengembangan Universiti Pertanian Malaysia Mukim Setul Dan Ulu Beranang*”, hlm.19

Selaras dengan pengenalan Rancangan Buku Hijau oleh kerajaan masyarakat Minang juga tidak ketinggalan dalam mengusahakan tanaman buah-buahan serta sayur-sayuran dengan lebih teratur⁹¹. Walaubagaimana pun kegiatan ini telah wujud sebelum pengenalan pelancaran Buku Hijau dilaksanakan, di mana masyarakat Minang telah melibatkan diri dengan menanam buah-buahan di kawasan seluas 40 ekar. Di samping itu pihak kerajaan juga telah memberi subsidi yang berbentuk anak-anak pokok, antaranya ialah nangka, rambutan, mangga dan limau. Perlaksanaan ini sangat bersesuaian dengan pengisytiharan tahun 1964 sebagai “Tahun Buah-buahan” oleh Menteri Pertanian, bertujuan memberi publisiti kepada buah-buahan tempatan⁹². Di samping itu, pihak Jabatan pertanian juga memberi benih sayuran secara percuma di awal peringkat permulaan di mana pada tahun 1972 kawasan pertanian hanya meliputi kawasan seluas 12 ekar.

Di samping itu masyarakat Minang juga menumpukan perhatian terhadap bidang- bidang ternakan ikan air tawar dalam kolam sebagai salah satu inisiatif baru. Kegiatan ini mula dijalankan pada awal 1970an di mana pada tahun 1975 sebanyak 32 buah kolam telah diwujudkan di sekitar Mukim Lenggeng. Sektor ini merangkumi kawasan seluas 32 ekar dari kawasan tanah Lenggeng. Sementara

⁹¹ Rancangan Buku Hijau, Panduan Tindakan Daerah, Kerajaan Malaysia, 1974, hlm.3

⁹² “Ke Arah Pertanian Moden Di Malaysia: 75 tahun Pertama Jabatan Pertanian”, hlm. 19

kawasan Kampung Macang Hilir merupakan kawasan yang paling banyak terdapat kolam ikan berbanding dengan kampung lain⁹³.

Jelaslah mukim Lenggeng semakin berkembang jika di lihat daripada keadaan sebelum merdeka. Fenomena ini disebabkan oleh bantuan daripada agensi-agensi pertanian yang kebanyakannya membekalkan pengetahuan dalam bidang pertanian. Di samping itu ianya juga menimbulkan inisiatif di kalangan masyarakat Minang untuk membentuk "Sekolah Dewasa" secara bergotong-royong pada tahun 1961 di mana kampung Rawa Hulu telah di kenal pasti sebagai kampung terawal yang melibatkan diri dalam pembentukan Sekolah Dewasa ini bagi mengelakkan kes 'buta huruf' di kalangan mereka.

Secara tidak langsung, langkah ini telah menunjukkan bidang pengetahuan mula dititikberatkan oleh penduduk Minangkabau. Situasi ini dapat di lihat di mana kebanyakan projek-projek yang dilaksanakan sangat memuaskan memandangkan mereka telah berkemampuan membaca arahan bertulis mengenai bidang pertanian terutamanya dalam melipatgandakan pendapatan. Selain itu, terdapat juga interaksi di antara Datuk Penghulu, Ketua kampung dengan penduduk kampung bagi menjayakan pembangunan yang dijalankan. Satu jawatankuasa kampung telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Ketua kampung bagi menjalankan aktiviti mereka. Jawatankuasa ini terdiri daripada 11 orang ahli yang berpengaruh dan petani

⁹³ Ahmad Fuad Muhammad, "*Tinjauan Ringkas Di Kawasan Pengembangan Universiti Pertanian Malaysia Mukim Setul Dan Ulu Beranang*", hlm.20

yang maju (progressive farmers). Namun begitu, terdapat juga orang perseorangan yang turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi masyarakat Minang untuk turut serta atau melibatkan diri dalam projek pembangunan yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan seperti Datuk Adat, Wakil Rakyat dan Imam masjid.

Oleh yang demikian dapatlah dinyatakan dengan jelas, selepas kemerdekaan masyarakat Minangkabau di Lenggeng merupakan masyarakat yang sanggup menerima serta mengamalkan sikap pertanian moden dengan bersungguh-sungguh. Kehadiran agensi kerajaan terutamanya pihak agensi Pertanian yang sedia menghulurkan batuan dari segi teknologi mahupun teknikal. Peluang ini di ambil sepenuhnya memandangkan masyarakat Minangkabau memang terkenal dengan sifat suka bertani. Kejayaan mereka dalam mengatasi masyarakat sekeliling terutamanya di Mukim Setul dapat dijadikan sebagai perbandingan di mana masyarakat melayu Mukim Setul kurang berminat untuk menyertai rancangan-rancangan pembangunan yang di anjurkan oleh pihak kerajaan berbanding dengan masyarakat di Lenggeng.

BIBLIOGRAFI

BUKU

- Abdul Samad Idris. 1968. *Negeri Sembilan Dan Sejarahnya*. Kuala Lumpur : Utusan Melayu Berhad.
- Anuar Maarup. 1975/76. "*Pergerakan Penduduk : Huraian dan Analisa Satu 'case' Di Kampung Dacing Hilir, Lenggeng, Negeri Sembilan*". Latihan Ilmiah Jabatan Geografi. UKM.
- Buyung Adil. 1981. *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Emerson Rupert. 1979. *Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Graham Saunders. 1978. *Malaya: Perkembangan Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur : Longman Malaysia Sdn. Berhad.
- J. Conde. 1979. *Rural Development Concept And Objectives*. Dev. Centre Of The Organisation For Economic Co-operation And Paris.
- Joginder Singh Jessy. 1979. *Sejarah Tanah Melayu (1400-1959)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Khong Kim Hoong. 1984. *Merdeka! British Rule And The Struggle For Independent In Malaya, 1945-1957..* Selangor : Institute For Social Analysis (INSAN).
- M.Rasjid Manggis Dt. Radjo Panghoelo. 1970. *Negeri Sembilan Hubungannya dengan Minangkabau*. Jakarta : Padang Pandjang.
- Meek. C.C. . 1943. *Land Law And Custom In The Colonies*. London : Oxford University Press.
- Mochtar Naim. 1979. *Merantau- Pola Migrasi Suku Minangkabau*. Jakarta : Gadjahmada University Press.
- Nordin Selat. 1978. *Remungan*. Kuala Lumpur : Utusan Publication And Distributors Sdn. Berhad.
- _____. 1976. *Sistem Sosial adat Perpatih*. Kuala Lumpur : Utusan Publication And Distributors Sdn. Berhad.
- Ooi Jin Bee. 1976. *Penisular Malaysian*. Hong Kong.

- Parkinson C.N. .1960. *British Intervention In Malaya 1867-1877*. Singapore : University Of Malaya Press.
- Shamsul Bahrin. 1964. "*The Indonesians In Malaya*". University Of Sheffield (M.A).
- Wilkinson R.J. 1971. *Papers On Malay Subject*. Oxford University Press.

JOURNAL

- Gullick J.M. 1948. "*Sungai Ujong*. JMBRAS, 22 (2).
- Lister.M. 1887. "*The Negeri Sembilan: Their Origin And Constitution*. JMBRAS.
- Winstedt R.O. 1934. "*Negeri Sembilan : The History, Polity And Bealief Of The Nine States*". JMBRAS, 12 (3).

LAPORAN

- "Ke arah pertanian Moden Di Malaysia: 75 Tahun pertama Jabatan Pertanian", Jabatan Pertanian Malaysia.
- Federal Malaya States, " Report On The Present System Of Forest Administration In The FMS With suggestion For The Future Management Of The Forest Of Those States By H.C. Hill", Kuala Lumpur, 1900
- Federal Malaya States, "Negeri Sembilan Administration Report For The Year 1902 By Walter Egerton", Kuala Lumpur.
- Federal Malaya States, "Negeri Sembilan Administration Report For The Year 1903 By Frederick Joseph Weld" , Kuala Lumpur
- Federal Malaya States, "Negeri Sembilan Administration Report For The Year1906 By R.C. Grey", Kuala Lumpur
- Laporan Tahunan 1972, Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan
- Laporan Tahunan 1973, Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan
- Laporan Tahunan 1974, Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan
- Laporan Tahunan 1975, Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan

Negeri Sembilan Annual Report For The Year 1897-1917

Negeri Sembilan Annual Report For The Year 1946

Negeri Sembilan States Development Office, "Ringkasan Rancangan-rancangan Bagi Tiap-tiap Daerah Dan Rancangan –rancangan Lima Tahun Kedua Pembangunan Luarbandar 1964-65

Rancangan Buku Hijau, Panduan Tindakan Daerah, Kerajaan Malaysia, Disember 1974

FAIL

British Military Administration, 1942-47, Depl No. Dept/9/4, "Colonial Of Food, Imports For Feeding Population In 1946

British Military Administration, 1942-47, Fail No. Dept/9/4, "Food Control And Rationing Food Situation Malay Peninsula".

Fail Negeri Sembilan British Resident's Office, (NS 20), 3081/07

MAJALAH

Edward Djamaris, 1982, "Bahasa Melayu Minangkabau", dalam Dewan Bahasa

KERTAS KERJA

Abdul Samad Idris, 1974, "Kemurnian Dalam Adat Perpatih", dalam Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri Sembilan

Ahmad Fuad Muhammad, Esmawi Othman, Nafisah Hj. Hassan, Shahbuddin Abu, "Tinjauan Ringkas Di Kawasan Pengembangan Universiti Pertanian Malaysia-Mukim Setul, Lenggeng Dan ulu Beranang", Pusat Perkembangan Dan Pendidikan Lanjutan, Kertas Seminar, Penerbitan Perkembangan No. 8, KDN 9701.

Faridah Hj. Mohd. Zubir, 1987, "Sejarah Pendudukan Jepun Di Tanah melayu 1942-45", Maktab Perguruan Sultan Idris, Kertas Kerja,

Noridah Abd. Talib, 1977/78, "Adat Perpatih Di Negeri Sembilan", dalam Kertas Kerja, Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur

SENARAI NAMA RESPONDEN


Nama : En. Rahman b. Taid
Umur : 75 tahun
Pekerjaan : Pesara
Alamat : Kampung Medom,
 Lenggeng,
 Negeri Sembilan
Tarikh temubual : 12 Januari 2001

Nama : Tuan. Hj. Abu Bakar B. Mohd Raiz
Umur : 77 Tahun
Pekerjaan : Pesara
Alamat : Kampung Medom,
 Lenggeng,
 Negeri Sembilan
Tarikh temubual : 21 Januari 2001

Nama : En. Sharif b. salim
Umur : 75 Tahun
Pekerjaan : Pesara
Alamat : Kampung Medom,
 Lenggeng,
 Negeri Sembilan
Tarikh temubual : 21 Januari 2001

Nama : En. Mohd Nawi b. Yatim
Umur : 74 Tahun
Pekerjaan : Pesara
Alamat : Kampung Medom,
 Lenggeng,
 Negeri Sembilan
Tarikh temubual : 21 Januari 2001

LAMPIRAN



ILMU MEMIMPIN

یونیورسیتی کیمپان ملیسیا

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN SEJARAH

FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN & KEMANUSIAAN

43600 UKM BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

Tel: 03-8292711

Fax: 03-8293290

Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan

UKM 1.8.4/10/2

Tarikh:

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Prof./Dato'/Tuan/Puan,

MEMOHON KEBENARAN MEMBUAT PENYELIDIKAN

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Sdr./Seri. MOHD. MARWAZI B. RAULI (No. Matrik: A 66789) adalah seorang pelajar Tahun Akhir (Kepujian) Jabatan Sejarah, Program KYM-UKM yang sedang menjalankan penyelidikan untuk penulisan kertas projek sebagai memenuhi syarat mendapatkan ijazah sarjana sastera dengan kepujian di bidang Sejarah.

2. Oleh yang demikian besarlah harapan saya agar sudi kiranya pihak Prof./Dato'/Tuan/Puan dapat membenarkan beliau membuat rujukan bahan-bahan yang berkaitan di tempat Prof./Dato'/Tuan/Puan sepanjang penyelidikan dilakukan.

Segala kerjasama dan bantuan dari pihak Prof./Dato'/Tuan/Puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian dan salam hormat.

Yang benar,

PROF. MADYA DR. KHAZIN MOHD. TAMRIN


Ketua

Jabatan Sejarah

43600 UKM Bangi


Selangor Darul Ehsan

Peta Semenanjung Malaysia



Sumber : A History Malaysia, Barbara Watson Andaya, Leonard Y. Andaya, 1982.

Peta Negeri Sembilan



Sumber : Pejabat Pelancongan Negeri Sembilan

FOTO 1




Papan Tanda Menunjukkan Sempadan Daerah Lenggeng - Mantin



Papan Tanda Menunjukkan Lenggeng Dari Arah Broga

FOTO 2




Surau Kampung Mendom, Lenggeng




Sungai Lenggeng

FOTO 3



Tapak Pasar Lama Yang Telah Diperbaharui



Pekan Lenggeng, Negeri Sembilan